

PRESS CLIPPING

COMMUNICATIONS SPECIALIST

DATE : MARCH 12, 2016
MEDIA : UTUSAN MALAYSIA
SECTION : FRONT PAGE
PAGE : FRONT PAGE (PART 1)
COLOUR : FULL COLOUR
EXPOSURE VALUE : TO BE DETERMINED

CLIENT : LEMBAGA TABUNG ANGKATAN
TENTERA (LTAT)
TASK : NEWS RELEASE



DATE : MARCH 12, 2016
 MEDIA : UTUSAN MALAYSIA
 SECTION : UTUSAN BIZ
 PAGE : 18 (PART 2)
 COLOUR : FULL COLOUR
 EXPOSURE VALUE : TO BE DETERMINED

CLIENT : LEMBAGA TABUNG ANGKATAN
 TENTERA (LTAT)
 TASK : NEWS RELEASE

UTUSAN MALAYSIA

MUKA 18



SABTU • 12.03.2016

ekonomi@utusan.com.my

UTUSANBIZ

Unit Berita Ekonomi

44, Jalan Utusan,
 Melalui Jalan Chan Sow Lin,
 55200, Kuala Lumpur,
 E-mel: ekonomi@utusan.com.my
 Twitter: @utusanbiz
 Laman web: www.utusan.com.my



Bayaran dividen dan bonus berjumlah **RM693.8j** pada kadar **12%**.

LTAT catat jumlah pendapatan belum diaudit sebanyak **RM766.8j** bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

Dividen **6% + bonus khas 6%** dalam bentuk saham untuk ahli yang aktif

Purata kadar dividen dan bonus tahunan yang dibayar oleh LTAT ialah **11.3%** setahun

LTAT umum dividen 12 peratus

■ KUALA LUMPUR 11 MAC

LEMBAGA Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengumumkan pembayaran dividen dan bonus berjumlah RM693.8 juta pada kadar 12 peratus.

Pengerusi LTAT Laksamana (B), Tan Sri Mohd. Anwar Mohd. Nor berkata, bayaran dividen dan bonus tersebut meliputi dividen 6 peratus dan bonus khas sebanyak 6 peratus dalam bentuk unit amanah saham untuk ahli yang aktif dan akan mula dibayar pada Isnin, 14 Mac 2016.

Katanya, sepanjang tempoh 43 tahun, purata kadar dividen dan bonus tahunan yang dibayar oleh LTAT ialah 11.3 peratus setahun.

"Kami bersyukur dengan pencapaian yang direkodkan di mana dividen yang masih tinggi berjaya diagihkan kepada ahli-ahli walaupun negara dan dunia berhadapan dengan keadaan ekonomi yang mencabar.

"Dalam konteks ini, LTAT telah mengambil langkah berjaga-jaga dari segi operasi dan pelaburan bagi memastikan kepentingan dan pulangan kepada ahli-ahli terus diutamakan," katanya dalam kenyataannya di sini hari ini.

LTAT mencatatkan jumlah pendapatan belum diaudit sebanyak RM766.8 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

Mohd. Anwar berkata, jumlah aset LTAT turut meningkat sebanyak 1.1 peratus kepada RM9.4 bilion



Dalam konteks ini, LTAT telah mengambil langkah berjaga-jaga dari segi operasi dan pelaburan bagi memastikan kepentingan dan pulangan kepada ahli-ahli terus diutamakan."

MOHD. ANWAR MOHD. NOR
 Pengerusi LTAT

berbanding RM9.3 bilion pada tahun 2014.

"Caruman ahli juga meningkat kepada RM9.1 bilion berbanding RM8.9 bilion tahun lalu," katanya.

Dalam pada itu Mohd. Anwar berkata, LTAT sentiasa mengambil berat soal kebajikan ahli-ahlinya terutama anggota-anggota tentera serta ahli keluarga mereka.

Ujarnya, LTAT mempunyai pelbagai rancangan dan program yang jelas untuk anggota dan veteran tentera serta ahli keluarga mereka terutamanya dalam bidang latihan, kemahiran, keusahawanan, pendidikan, pemilikan rumah, bantuan kewangan dan biasiswa bagi anak

Akan mula dibayar pada Isnin, **14 Mac**

anggota tentera yang layak.

"Bagi tahun yang dilaporkan, LTAT dan Yayasan Warisan Perajurit (YWP), yang ditubuhkan oleh syarikat Kumpulan LTAT dan diterajui oleh Boustead Holdings Bhd. telah menyampaikan biasiswa dan pelbagai bantuan kewangan berjumlah RM4.1 juta kepada 3,607 anak-anak anggota tentera yang sedang berkhidmat yang menamatkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan sekolah.

"Sehingga kini, 67,674 anak anggota tentera yang masih berkhidmat dan yang sudah bersara menerima insentif dan biasiswa berjumlah RM65.8 juta berdasarkan pencapaian akademik cemerlang menerusi pelbagai program," katanya.